

HAK PESAKIT & KELUARGA PESAKIT (Patients & Family Right)

Pesakit atau waris boleh mendapatkan maklumat mengenai rawatan dan kesihatan pesakit melalui permohonan **LAPORAN PERUBATAN**

APA ITU LAPORAN PERUBATAN?

Laporan Perubatan adalah satu bentuk maklumat bertulis mengenai sejarah, tahap kesihatan dan keadaan pesakit yang telah mendapatkan rawatan di Hospital dan hanya boleh disediakan oleh Pegawai Perubatan/Pakar Jabatan Klinikal dimana pesakit menerima rawatan.

Laporan ditulis berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam Rekod Perubatan Pesakit(RPP).

JENIS LAPOARAN PERUBATAN

1. Laporan Perubatan Biasa
2. Laporan Perubatan Ringkas Pakar
3. Laporan Perubatan Terperinci Pakar
4. Laporan Bedah Siasat (Post Mortem)
5. Borang Insurans/PERKESO/KWSP
6. Borang Buruh 90 (Perakuan Ordinan Pampasan Pekerja, 1952)
7. Permohonan Laporan dari Majikan/Polis

Permohonan Laporan Perubatan boleh dibuat secara terus di kaunter Unit Rekod Perubatan Hospital Bintulu atau mengirimkan permohonan yang lengkap berserta surat keizinan asal dari pesakit ke:

Pengarah Hospital,
Hospital Bintulu,
Jalan Nyabau,
97000 Bintulu
(U/P: Ketua Unit Rekod Perubatan)

KATEGORI PEMOHON ADAKAH ANDA?

A. PESAKIT SENDIRI

1. Permohonan secara bertulis ataupun menggunakan Borang KKM/LP/1/2008.
2. Surat keizinan ASAL yang ditandatangani oleh pesakit jika melalui pos.
3. Salinan Kad Pengenalan pesakit.
4. Salinan Kad Rawatan pesakit.
5. Bayaran(mengikut jenis permohonan).
6. Salinan Sijil Cuti Sakit (MC) jika ada
7. Borang berkaitan (insurans, KWSP, Buruh 90,PERKESO dan sebagainya

B. IBU BAPA /PENJAGA YANG SAH (Pesakit berumur 18 tahun ke bawah)

1. Permohonan secara bertulis ataupun menggunakan Borang KKM/LP/1/2008
2. Surat keizinan ASAL yang ditandatangani oleh Ibu/Bapa/Panjaga yang sah.
3. Salinan Sijil Kelahiran pesakit
4. Salinan Kad Pengenalan pesakit.
5. Salinan Kad Pengenalan Ibu/Bapa/Panjaga yang sah.
6. Salinan Kad Rawatan Pesakit.

7. Bayaran(mengikut jenis permohonan).
8. Borang berkaitan (insurans, dan sebagainya).
9. Lain-lain dokumen yang berkaitan dengan rawatan pesakit.

10. AGEN/WAKIL

1. Permohonan secara bertulis ataupun menggunakan Borang KKM/LP/1/2008
2. Surat keizinan ASAL pesakit/Waris (menyatakan memberi kuasa kepada nama Agen/wakil untuk mendapatkan laporan)
3. Salinan Kad Pengenalan pesakit.
4. Salinan Kad Pengenalan pemohon/agen/wakil
5. Salinan sijil kelahiran(pesakit berumur 18 tahun ke bawah)
6. Salinan Kad Rawatan pesakit.
7. Bayaran(mengikut jenis permohonan).
8. Borang berkaitan (insurans, dan sebagainya).
9. Surat keizinan dari kedutaan,jika pesakit warganegara asing yang dtidak dapat dihubungi.
10. Lain-lain dokumen yang berkaitan dengan rawatan pesakit.

11. WARIS(Suami,Isteri,Ibubapa,Anak, Adik beradik)

1. Permohonan secara bertulis ataupun menggunakan Borang KKM/LP/1/2008.
2. Surat keizinan ASAL dari waris (menyatakan maklumat waris).
3. Salinan Kad Pengenalan pesakit.
4. Salinan Kad Pengenalan waris.
5. Salinan Kad Rawatan pesakit.
6. Salinan Sijil Nikah (Jika berkaitan)
7. Salinan Sijil Kelahiran (Jika berkaitan)
8. Surat Akuan Sumpah(Jika berkaitan)
9. Salinan Sijil Kematian
10. Bayaran(mengikut jenis permohonan).
11. Borang berkaitan (insurans, dan sebagainya).
12. Lain-lain dokumen yang berkaitan dengan rawatan pesakit.

Permohonan Laporan Perubatan yang lengkap akan disediakan oleh Pegawai Perubatan yang berkenaan dalam tempoh 28 hari bekerja tidak termasuk Cuti Umum(Sabtu & Ahad) dan Cuti Am (Public Holiday). Tempoh ini hanya terpakai untuk Laporan Perubatan Biasa sahaja dan tidak termasuk Laporan Terperinci Pakar, Laporan Bedah Siasat(Post Mortem) dan Laporan Penjelasan.